

03/08/2001

Keputusan kaji inkues 12 November

KOTA BHARU, Khamis - Mahkamah Tinggi, di sini, hari ini, menetapkan 12 November ini sebagai tarikh keputusan permohonan mengkaji semula keputusan inkues berhubung kematian enam lelaki di Kampung Neting, Kilometer 24, Jalan Kota Bharu-Pengkalan Kubur, pada 3 Oktober 1998.

Hakim Datuk Suriyadi Halim Omar berkata mahkamah akan meneliti semua fail dan bukti berkaitan kes itu, terutamanya keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Koroner Tumpat, pada 22 Mei lalu.

Permohonan mengkaji semula keputusan inkues oleh Majistret Ahmad Bazli Bahruddin yang bertindak sebagai koroner dalam inkues itu dibuat oleh peguam Mohd Apandi Ali sebagai wakil peguam pemerhati bagi pihak Majlis Peguam dan peguam G Naidu yang mewakili keluarga mangsa.

Inkues itu diadakan berikutan memorandum Mohd Apandi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri pada 1999 bagi mengetahui kejadian sebenar dan punca serta keadaan bagaimana keenam-enam lelaki berkenaan mati dalam kejadian itu.

(END)